107

NO. SOALAN : 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY

TARIKH : 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

SOALAN : 51

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil atau hukuman terhadap bot nelayan negara asing yang menceroboh perairan negara dan mencuri hasil laut negara.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia Coast Guard memandang serius masalah pencerobohan nelayan asing yang menceroboh dan mencuri hasil laut di perairan Negara. Pada tahun ini sahaja, sejumlah 140 kes tangkapan (data sehingga 15 November 2017) bot nelayan asing telah berjaya ditahan berbanding tangkapan tahun lepas berjumlah 108 kes. Walaupun terdapat pertambahan jumlah pencerobohan nelayan-nelayan asing namun, agensi sentiasa meningkatkan rondaan dan penguatkuasaan di Zon Maritim Malaysia .

Ahli-ahli Yang Berhormat, statistik tangkapan bot-bot nelayan asing dari 2006 sehingga 15 November 2017 menunjukkan sejumlah 1,130 buah bot telah ditahan dan sejumlah 641 buah bot telah dilupuskan manakala selebihnya sedang dalam tindakan. Selain itu, *Malaysia Coast Guard* juga telah melaksanakan pelupusan secara pembakaran kepada 2 buah bot nelayan asing yang julung kali dilakukan pada 30 Ogos 2017 bagi menyampaikan mesej kepada masyarakat bahawa Kerajaan serius dalam menangani isu pencerobohan nelayan asing ini. Pelaksanaan

pelupusan secara bakar ini diambil sebagai alternatif bagi membuktikan Kerajaan amat serius dalam menangani isu ini.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat juga, semua Bot-bot nelayan asing yang ditahan ini didakwa di bawah Akta Perikanan 1985, Seksyen 15 (1)(a) atas kesalahan menceroboh perairan Malaysia tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. Mahkamah akan menjatuhkan hukuman penjara kepada tekong dan awak-awak asing ini manakala bot mereka akan disita.

Sekian, terima kasih.